

02/05/1997

2,200 barangan getah dikumpul

PUSAT Pameran Barangan Getah Antarabangsa yang ditempatkan di kawasan Institut Penyelidikan Getah Malaysia (RRIM) di Sungai Buloh, berjaya mengumpulkan 2,200 barangan berasaskan getah yang dibuat di dalam dan luar negeri.

Menteri Perusahaan Utama, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, berkata ia satu pencapaian yang baik walaupun 25 peratus daripada jumlah jenis barangan diperbuat daripada getah.

Berucap pada majlis perasmian pusat itu oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Kuala Lumpur baru-baru ini, beliau memberi jaminan bahawa jumlah barangan yang dipamerkan di pusat itu akan ditambah.

Katanya, pusat bernilai RM5.7 juta itu dibina oleh konsortium tiga syarikat yang diterajui oleh Media Signs Sdn Bhd, bertujuan menghimpun barangan getah supaya dapat ditempatkan bawah satu bumbung dan dipamerkan kepada pihak yang berminat. - Bernama

(END)